

## Bekas duta, anak berdepan penjara seumur hidup

Jun 8, 2022 @ 12:33pm



Bekas diplomat, Datuk Zainal Abidin Alias (tiga, kiri) dan anak lelakinya, Mohamed Rizal (dua, kanan) mengaku tidak bersalah di Mahkamah Sesyen di Raub hari ini, atas pertuduhan menanam pokok ganja, bulan lalu. - Foto BERNAMA

RAUB: Bekas duta dan anak lelakinya didakwa di Mahkamah Sesyen di sini hari ini atas tuduhan menanam 102 pokok ganja, bulan lalu.

Datuk Zainal Abidin Alias, 78, dan Mohamed Rizal, 53, mengaku tidak bersalah selepas pertuduhan dibacakan di hadapan Hakim Ahmad Faizadh Yahaya.

Dua beranak itu didakwa bersama-sama menanam 102 pokok **ganja** di sebuah rumah di Kampung Sum-Sum Hilir, Janda Baik, Bentong pada jam 6.10 petang, 21 Mei lalu.

Pertuduhan dikemukakan mengikut Seksyen 6B Akta Dadah Berbahaya 1952 (Akta 234) dibaca bersama Seksyen 34 Kanun Keseksaan yang membawa hukuman penjara seumur hidup dan rotan tidak kurang enam kali, jika sabit kesalahan.

Pendakwaan dikendalikan Pengarah Pendakwaan Pahang Mohammad Khalid Ab Karim, Timbalan Pendakwa Raya Hayda Faridzal Abu Hassan dan Anisah Pisol manakala tertuduh diwakili peguam Rahmat Hazlan.

Pada prosiding itu, pihak pendakwaan memaklumkan tiada jaminan ditawarkan kepada kedua-dua tertuduh manakala Rahmat memberitahu pihaknya telah menghantar representasi kepada Jabatan Peguam Negara pada 2 Jun lepas berhubung pertuduhan terhadap anak guamnya.



Foto yang dirakam oleh pihak polis menunjukkan lokasi pokok ganja yang ditanam oleh bekas diplomat bersama anak lelakinya sekitar rumahnya di Janda Baik pada sidang media di Ibu Pejabat Polis Daerah Bentong, Pahang. - Foto fail NSTP

Mahkamah menetapkan sebutan semula kes pada 22 Julai.

Pada Jumaat lalu, mereka dihadapkan ke Mahkamah Majistret Bentong atas pertuduhan mengedar 1,020 gram dadah jenis ganja dan menyimpan 60 mililiter minyak ganja dan bagi pertuduhan itu mereka didakwa mengikut Seksyen 39B akta sama yang boleh dijatuhkan hukuman gantung sampai mati jika sabit kesalahan.

Selain itu, Mohamed Rizal juga berdepan pertuduhan menggunakan dadah jenis THC di pejabat narkotik, Ibu Pejabat Polis Daerah Bentong pada 8.40 malam, 23 Mei lalu.  
– BERNAMA